



SIARAN MEDIA

PERANAN BELIA TERUS DIPERKASA KE ARAH PEMBANGUNAN BANDAR YANG KONDUSIF

GEORGETOWN, 6 Oktober 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan **Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia (SHHS) Peringkat Malaysia 2024** di Taman Armenian, Georgetown pada pagi ini.

SHHS merupakan salah satu program di bawah *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat) yang diraikan di seluruh dunia pada Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. Ia turut menjadi acara tahunan di Malaysia melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku *National Focal Point* yang bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti UN-Habitat di Malaysia sejak tahun 1985.

Penganjuran SHHS 2024 bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat serta pengurus bandar tentang kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selamat, kondusif, berdaya huni dan mampu mencetus budaya masyarakat bertanggungjawab untuk membentuk masa depan tempat tinggal dan bandar yang mampan. Pada tahun ini, SHHS peringkat global (*Global Observance World Habitat Day*) akan diraikan pada 7 Oktober 2024 di Queretaro, Mexico.

Mendukung prinsip *no one left behind*, UN-Habitat pada tahun ini memfokuskan kepada peranan belia dalam pembangunan bandar dan masa hadapan yang lebih baik. Belia merupakan golongan majoriti iaitu 70 peratus di kawasan bandar bagi negara-negara selatan. Dengan memanfaatkan tenaga, kreativiti dan perspektif belia, pembangunan dapat dilaksanakan menepati keperluan pelbagai peringkat masyarakat. Justeru, Sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini mengangkat tema "*Engaging Youth to Create a Better Urban Future*".

Youth Assembly telah diadakan bersempena *Malaysia Urban Forum 2024 (MUF6)* bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan belia dan hasil perbincangan tersebut dibentangkan semasa SHHS 2024 di sini. YB KM juga turut menyantuni belia yang hadir dengan bersama-sama menikmati sarapan pagi “*Urban Breakfast*” di Taman Armenian, Georgetown. Di samping itu, Sesi *Townhall* turut diadakan sebagai platform komunikasi dua hala bersama golongan belia.

Sempena SHHS 2024 ini, YB KM turut menyampaikan **12 Anugerah *National Scroll of Honour For Human Settlements 2023*** serta tiga (3) hadiah bagi **Pertandingan *Photojournalism*** kepada para pemenang.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT; Datuk-Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); wakil UN-Habitat, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KPKT serta wakil-wakil PBT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

